

Newspaper	Berita Harian
Date	19/01/2013

Undangan ke Gaza bukti pengiktirafan

BH-19/1/2013

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan undangan ke Gaza yang diterima Datuk Seri Najib Razak daripada Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh sebagai satu pengiktirafan kepada pemimpin Malaysia itu.

Bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF), berkata Najib boleh memenuhi undangan itu sekiranya mempunyai masa lapang atau menanggukannya kepada masa sesuai sekiranya sibuk.

Beliau yang pernah mengunjungi Tebing Barat pada Mei 2005 berkata demikian ketika ditanya mengenai undangan Ismail kepada Najib pada Disember lalu ketika Misi Kemanusiaan 'Second Wave Road to Gaza 2012' anjuran Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) dan Gerakan Belia Gagasan 1Malaysia (GBG1M).

Undang melalui Presiden KP1M

Ismail mengundang Najib mengunjungi wilayah konflik itu menerusi Presiden KP1M, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim yang turut dilantik Duta Kehormat Palestin, melalui perbualan telefon ketika kunjungan hormat 52 sukarelawan Malaysia ke wilayah berkenaan.

"Saya fikir kalau lapang, patut pergi. Waktu ini (Najib) sibuk dengan persiapan pilihan raya, boleh tangguh dulu. Ini satu pengiktirafan," kata Dr Mahathir selepas melancarkan Kelab PGPF serta me-



Dr Mahathir menyerahkan replika kad Kelab PGPF kepada wakil pelajar Universiti, Azrul Mohamad di Bangunan Yayasan Al Bukhary, semalam, sambil diperhatikan Norian.

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

nerima sumbangan lebih RM420,000 untuk Tabung Bencana Gaza daripada 13 penyumbang di Bangunan Yayasan Al Bukhary, di sini semalam.

Hadir sama, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi PGPF, Tan Sri Norian Mai dan Setiausaha Agung Kelab PGPF, Mohd Radzillah Abdullah.

Ditanya mengenai kesediaan Israel menghantar surat permohonan maaf kepada kerajaan Turki berhubung insiden serangan ke atas MV *Marvi Marmara* pada Mei 2010 yang menyaksikan sembilan aktivis Turki ditembak mati dan 50

lagi cedera, Dr Mahathir menyifatkannya perkembangan positif sekiranya Israel benar-benar ikhlas dalam tindakan itu.

FAKTA NOMBOR

RM420,000
sumbangan

Tabung Bencana Gaza yang diterima daripada 13 penyumbang

Gesa pulangkan tanah

"Bukan saja minta maaf, bagi balik tanah (rakyat Palestin)," katanya.

Beliau membidas serangan Israel ke atas flotilla kemanusiaan yang turut disertai kapal kemanusiaan PGPF, *MV Rachel Corrie*.

Terdahulu dalam ucapan pelancaran Kelab PGPF, bekas Perdana Menteri turut mengesa generasi muda menolak sebarang idea peperangan bagi menyelesaikan konflik, sebaliknya menganggap perbuatan yang dipelopori negara kuasa besar itu sebagai jenayah.